

**'BERGANTUNG SESAMA RAKAN SERANTAU  
TIDAK LAGI MENCUKUPI'**

# Beraniilah merantau jauh — PM

16 JULAI 1997

**B**UDAPEST 27 Julai — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerjasama dan sikap saling bergantung sesama rakan - rakan rantau sendiri sahaja sudah tidak lagi mencukupi dalam menghadapi cabaran dan saingan hidup hari ini.

Dari  
**Khalid Mohd.**

Negara - negara kecil, seperti Malaysia dan Hungary yang tidak percaya bahawa bumi ini hanya dimiliki oleh kuasa - kuasa besar sahaja, hendaklah berani 'merantau jauh' untuk mencari apa juga peluang yang ada bagi membawa kemajuan kepada bangsa dan tanahair masing - masing, katanya.

Sebab itulah, ujar Perdana Menteri, beliau datang ke Hungary — sebuah negara dengan penduduk yang lebih kecil dari Malaysia, tetapi mencapai kecemerlangan yang dapat menyamai kejayaan negara - negara besar dan maju. Datuk Sri Dr. Mahathir berucap di jamuan makan malam untuk meraikan beliau yang diberikan oleh Perdana Menteri Hungary, Karoly Gorsz di Bangunan Parlimen di sini malam ini.

Hungary juga, katanya, telah membuktikan bahawa negara - negara kecil mempunyai peranan di bumi ini dan suara mereka tidak boleh tidak didengar. Beliau berkata, bagi Malaysia, jarak jauh tidak

**LIHAT MUKA 6**

# BERANILAH MERANTAU JAUH – PM

011 26 JUL 1987

akan dijadikan halangan untuk 'merantau' dan mencari ilmu serta untuk bekerjasama, lebih - lebih lagi jika terdapat begitu banyak yang boleh dipelajari dari sahabat yang jauh dan yang tidak begitu dikenali itu.

Selain dari itu, tambah beliau, hubungan antara negara - negara itu memerlukan sikap saling bergantung dan tidak lagi boleh hanya tertumpu kepada rakan - rakan di rantau atau blok yang sama sahaja.

Hungary, kata Perdana Menteri, mencapai kejayaan yang cemerlang kerana ia, walaupun kecil, mengambil pendekatan yang pragmatik dalam perancangan serta mempunyai perspektif 'baru' dalam hubungan Timur - Barat.

Beliau menegaskan, Malaysia boleh mencapai kejayaan dalam bidang industri seperti Hungary jika ia mengikut jejaknya dalam sesetengah amalan perusahaan yang dilaksanakan di sini. Katanya, Hungary telah

berjaya menggunakan sumber - sumbernya dengan bijak di mana penekanan adalah ke arah penggunaan bahan mentah yang sedikit dengan penggunaan tenaga manusia secara lebih berkesan.

Semua ini, tambah beliau, telah mendatangkan hasil dan hari ini Hungary boleh berbangga dengan kejayaannya dalam bidang telekomunikasi, pengangkutan awam dan pembinaan kapal walaupun ia sebuah negara tidak berpantai.

Perdana Menteri berkata, kerana terdapat kepentingan bersama antara kedua buah negara, Malaysia dan Hungary perlu memperbaiki hubungan perdagangan yang masih kecil sekarang ini.

Keadaan ini, ujar beliau, tidak boleh dibiarkan berterusan dan kedua buah negara hendaklah mencari jalan memperbaiki dan menambah lagi bidang - bidang kepentingan bersama itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir

menarik perhatian, salah satu cara ialah bagi Hungary membeli terus segala keperluannya dari Malaysia dan tidak melalui saluran - saluran tengah. Matlamat ini juga boleh dicapai melalui usaha - usaha oleh sektor swasta kedua belah pihak, katanya. Rombongan Perdana Menteri turut dianggotai oleh ahli - ahli sektor swasta terkemuka dalam berbagai bidang. Malaysia membeli gerabak keretapi dari Hungary baru - baru ini dan Perdana Menteri mahu supaya pembelian dan penjualan antara kedua pihak diperluaskan meliputi bahan - bahan serta barangan lain.

Hungary juga terkenal dengan pengeluaran bajanya yang baik. Malaysia berminat dalam latihan pertanian dan Datuk Sri Dr. Mahathir berharap kedua buah negara dapat bertukar - tukar bantuan teknik yang berguna dan " boleh membantu memajukan rancangan - rancangan pembangunan Malaysia dan Hungary.